

**PEKELILING KEWANGAN NEGERI
PERAK**



Semua Ketua Jabatan/
Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Negeri Perak Darul Ridzuan

**PEKELILING KEWANGAN NEGERI PERAK
BIL. 4 TAHUN 2008**

PERATURAN TUNTUTAN ELAUN LEBIH MASA

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan peraturan berhubung tuntutan elaun lebih masa supaya pembayarannya dapat diseragamkan.
- 1.2 Peraturan dan penyeragaman ini juga bertujuan untuk menambah baik proses pembayaran tuntutan elaun lebih masa oleh semua jabatan/PTJ.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Kadar dan syarat tuntutan elaun lebih masa bagi Anggota Perkhidmatan Awam semasa menjalankan tugas rasmi telah pun ditetapkan dalam Perintah Am Bab G- Waktu Bekerja Dan Lebih Masa.
- 2.2 **Kerja Lebih Masa** bermaksud kerja-kerja yang dijalankan di luar waktu bekerja pejabat biasa yang ditetapkan kepada seseorang pegawai (waktu bekerja pejabat/pusingan atau giliran), iaitu bagi maksud untuk menjalankan tugas-tugas rasmi seseorang pegawai yang berkaitan

dengan tugas rasmi jawatan hakikinya atau tugas rasmi jabatannya.

- 2.3 Syarat dan peraturan pembayaran Elaun Lebih Masa telah diperjelaskan melalui Pekeliling Perkhidmatan dan Surat Pekeliling Perkhidmatan berikut:

Bil	Rujukan	Tajuk
i.	Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 21 Tahun 1977	Elaun Lebih Masa
ii.	Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8 Tahun 1989	Bayaran Lebih Masa Bagi Pegawai Keselamatan.
iii.	Surat Bil. JPA.63/31SK.36/(6) bertarikh 23 Januari 1990	<i>Ruling</i> Tuntutan Elaun Lebih Masa Untuk Pemandu.
iv.	Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991	Pelaksanaan Sistem Saraan Baru Berdasarkan Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Gaji Sektor Awam 1991.
v.	Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10 Tahun 1997	Bayaran Lebih Masa Bagi Anggota Yang Diluluskan Elaun Penanggungangan Kerja.
vi.	Memo JPA.63/31Bhg.1Klt.7(19) bertarikh 5 Disember 1998	<i>Ruling</i> Bayaran Elaun Lebih Masa.
vii.	Pekeliling Perkhidmatan Bil. 13 Tahun 2005	Pelaksanaan Lima Hari Bekerja Seminggu.
viii.	Pekeliling Perkhidmatan Bil. 17/2005	Pindaan Formula Gaji Harian, Imbuan Tetap Khidmat Awam, Bayaran Lebih Masa Dan Cuti Rehat Bergaji Penuh Bagi Pegawai Sambilan.

- 2.4 Walau bagaimanapun, masih terdapat jabatan/PTJ yang tidak menghayati dan mematuhi sepenuhnya pekeling dan surat pekeling tersebut. Ini mengakibatkan tuntutan yang dibuat tidak tepat dan seragam di antara jabatan/PTJ.

3. PELAKSANAAN

3.1. Bagi menyeragamkan pembayaran Elaun Lebih Masa, peraturan-peraturan berikut diwujudkan dan perlu dipatuhi oleh semua jabatan/PTJ.

- 3.1.1 Tuntutan lebih masa 8 jam atau lebih, tetapi tidak melebihi 12 jam hendaklah ditolak 1 jam waktu rehat/solat.
- 3.1.2 Tuntutan lebih masa lebih daripada 12 jam hendaklah ditolak 2 jam waktu rehat/solat.
- 3.1.3 Pembantu Am Pejabat/Pembantu Am Rendah yang diarah menjalankan tugas membuka pejabat tidak dibenarkan menuntut sebarang elaun lebih masa.
- 3.1.4 Tuntutan lebih masa pegawai dalam perjalanan (selain daripada pemandu) tidak dibayar.
- 3.1.5 Permulaan pengiraan elaun lebih masa hendaklah dibuat hanya selepas setengah jam waktu pejabat.

Contohnya:

*Kerja lebih masa dari jam 5.00 petang hingga 6.00 petang.
Tuntutan dibuat mulai 5.30 petang hingga 6.00 petang.*

- 3.1.6 Kadar masa untuk tujuan pengiraan elaun lebih masa hendaklah digenapkan mengikut suku jam yang hampir (diambil kira pada suku jam yang terendah) iaitu 0.15 minit; 0.30 minit; 0.45 minit.

Contohnya:

Tuntutan dari jam 5.35 petang hingga 6.40, perkiraannya dari 5.35 petang hingga 6.35 petang.

- 3.1.7 Penerangan tugas yang melayakkan menuntut elaun lebih masa mestilah lebih jelas dan terperinci (bukan secara umum).

Contohnya:

Tugas Umum seperti menjalankan tugas yang diarahkan/menyiapkan tugas harian.

Tugas Terperinci seperti penyediaan laporan prestasi kewangan untuk Mesyuarat JPKA. Bil... atau Input Data Bajet 2009.

4. PENUTUP

- 4.1 Ketua-ketua Jabatan hendaklah memastikan semua pihak mematuhi peraturan yang ditetapkan dalam pekeliling ini.


5. TARIKH KUAT KUASA

- 5.1 Pekeliling Kewangan ini berkuat kuasa serta-merta.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' JAMALLUDIN AL AMINI BIN HAJI AHMAD)

Pegawai Kewangan Negeri
Perak Darul Ridzuan.

30 Julai 2008

s.k Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan

Pengarah Audit Negeri
Perak Darul Ridzuan

Bendahari Negeri
Perak Darul Ridzuan

c:PekTuntutan ELB2008/znz.